

# PM sokong langkah Utusan tubuh Tabung Bosnia

(P) 11  
KUALA LUMPUR 11 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan sokongan penuhnya terhadap langkah Kumpulan Akhbar Utusan Melayu melancarkan Tabung Kesengsaraan Orang Islam Bosnia.

Beliau berkata, langkah tersebut perlu dihargai oleh pelbagai kaum dan lapisan masyarakat di negara ini atas rasa simpati terhadap penderitaan rakyat Bosnia-Herzegovina.

Sambil berharap tabung itu akan mendapat sambutan baik daripada masyarakat, Dr. Mahathir berkata, usaha tersebut bukanlah semata-mata kerana penduduk Bosnia terdiri daripada orang-orang Islam.

"Tetapi ia berasas kepada perikemanusiaan tanpa mengira kaum atau agama," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini lewat malam ini.

Beliau yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian ketika diminta mengulas langkah *Utusan* melancarkan tabung tersebut semalam atas kesedaran tentang penderitaan dan pembunuhan beramai-ramai yang sedang berlaku di republik bekas Yugoslavia itu sekarang.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, langkah seumpama itu juga secara tidak langsung membuktikan kepada negara-negara Barat bahawa negara ini mendokong kuat kepada keamanan dan hak asasi manusia.

Beliau menarik perhatian, negara-negara Barat lebih gemar menjadikan negara-negara membangun seperti Malaysia sebagai sasaran kononnya kerana tidak menghormati hak asasi manusia.

Malah, katanya, negara-negara Barat mengancam untuk mengambil tindakan kalau kehendak mereka mengenai hak asasi manusia tidak diikuti.

Sedangkan pada masa yang sama, hak asasi manusia di Bosnia dicabul secara terbuka oleh puak Serbia tetapi negara-negara Barat tidak begitu cepat mengambil tindakan.

Perdana Menteri juga kesal kerana setakat ini negara-negara kuasa besar khususnya termasuk Amerika Syarikat hanya bersedia campur tangan di Bosnia dalam soal penghantaran bekalan makanan.

"Itu agak terhad. Mereka cuma nak hantar makanan sahaja tetapi hari-hari mereka (gerila Serbia) serang dengan bom dan mortar.

"Lepas itu hendak biarkan rakyat Bosnia ditembak mati, itu tidak adil dan mereka berhak mendapat kebebasan," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, kuasa besar di Barat berat sebelah dalam soal memperjuangkan hak asasi manusia.

"Mereka kononnya berhak campurtangan dalam

urusan mana-mana negara kalau hak asasi manusia dicabul.

"Tetapi nampaknya kalau ada kemungkinan campur tangan mereka akan menyebabkan rakyat atau tentera mereka tercedera, mereka tidak begitu sanggup," katanya dengan nada kesal.

Beliau juga berharap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi perhatian berat dan segera bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Saya fikir tidak perlulah dibangkitkan soal siapa dulu atau kemudian, sama ada Eropah atau Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan.

"Yang penting ialah siapa yang berkebolehan dan mampu hendaklah mengambil tindakan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh masyarakat Bosnia-Herzegovina," ujar Perdana Menteri lagi.